

## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Monday, February 27, 2017 11:48 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Mahasiswa UUM, Kansai University dan Universitas Lampung Timba Pengalaman Baharu



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
**Universiti Utara Malaysia**



27 FEBRUARI 2017 / 30 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: STML

### MAHASISWA UUM, KANSAI UNIVERSITY DAN UNIVERSITAS LAMPUNG TIMBA PENGALAMAN BAHARU



**UUM ONLINE:** Seramai 36 orang mahasiswa dan pensyarah dari UUM, Kansai University of International Studies, Jepun dan Universitas Lampung, Indonesia menimba pengalaman baharu apabila berpeluang meninjau Kampung Karangan, Kuala Krai di Kelantan yang pernah terlibat dalam banjir besar di negeri itu.

Program tersebut merupakan sebahagian daripada 5th Asian Cooperative Program (ACP) *Convention on Comparative Research in Safety and Disaster Management* anjuran Institut Pengurusan Bencana (DMI), Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO), The 3rd Force dan penceramah motivasi terkenal, Dr Raja Shamri Raja Husin.

Sepanjang mengikuti program bermula 22 hingga 24 Februari itu, peserta diberi taklimat berkenaan penglibatan NGO dan sukarelawan semasa bencana itu berlaku pada tahun 2014, seterusnya mereka di bawa melawat ke sekitar Kampung Karangan yang terjejas teruk akibat bencana banjir.

Peserta juga berpeluang untuk temu bual penduduk kampung dan meninjau kawasan sekitar Sekolah Kebangsaan Kampung Karangan yang masih terdapat kesan kerosakan pada bangunan sekolah disebabkan banjir berkenaan.

Program yang julung kali diadakan dengan melibatkan tiga negara iaitu Malaysia, Jepun dan Indonesia berjaya mencapai objektifnya dengan memberi kesedaran dan pengalaman kepada para peserta dari ketiga-tiga buah negara tentang pentingnya peranan komuniti dan kesedaran yang tinggi dalam menghadapi bencana yang besar, terutamanya sekali di kawasan yang sering dilanda bencana.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.